

دَعْوَةٌ

# dakWah

Jendela pemikiran ummah

PENULARAN AJARAN

## SESAT

simbol  
kehakisan akidah

PENARIKAN  
RANG  
UNDANG-  
UNDANG  
2013

### UJIAN BAGI UMMAH

PENGALAMAN  
MENGINTIP  
AJARAN SESAT

**AYAH PIN**

MATA SIAPA  
**PALING**  
**AJAIB?**




RM 6.90  
SBH/  
SWK 8.90

SYAWAL/  
ZULKADEAH 1434 H

ISSN 0126-5936  
9 770720 513007

isu21 SEPTEMBER/OKTOBER 13



# Syiah & PLURALISME AGAMA

OLEH MOHD. AZAM MOHD. AMIN

**PERKATAAN** Syi'ah dalam bahasa Arab bermakna kumpulan penyokong. Istilah *Syi'at Ali*, atau *Syiat Uthman* bermakna "kumpulan penyokong Ali atau kumpulan penyokong Uthman". Kumpulan-kumpulan ini telah pun wujud sejak akhir hayat Rasulullah s.a.w lagi, dan mereka mula membentuk satu kumpulan yang kuat pada akhir zaman sahabah terutamanya *Syi'at Ali*. Di antara kumpulan pertama yang dikatakan membentuk golongan ini ialah *Saba'iyyah* yang diketuai oleh seorang tokoh kontroversi Yahudi, Abdullah bin Saba', berkulit hitam dari Yaman dan memeluk agama Islam. Beliau pernah dikatakan mendewakan Ali sebagai tuhan di samping mendesak khalifah Uthman supaya bersikap adil terhadap kumpulannya. Ramai cendekiawan menafikan kewujudan tokoh ini kerana di dalam buku-buku biografi tokoh-tokoh silam, tidak ada biografi Abdullah bin Saba' sedangkan nama beliau muncul di zaman pemerintahan Umar al-Khattab (634-644M), Uthman ibn Affan (644-656M), Ali ibn Abu Talib (656-661M), Muawiyah bin Abu Sufyan (m. 680). Kewujudan nama ini dalam buku-buku sejarah tidak dapat dinafikan bahkan penulis terawal dari kalangan orang Syiah bernama al-Nubakhti (m. 310H/912M) ada menyebutnya. Hal ini memungkinkan beberapa andaian seperti nama Abdullah bin Saba' ini merujuk kepada satu kumpulan manusia berkulit hitam dari Yaman beragama

**Yahudi**, kemudian memeluk Islam, atau satu golongan munafik dari kalangan orang Yahudi berpura-pura memeluk Islam dan lain-lain lagi.

Selepas Saidina Ali meninggal dunia, satu lagi kumpulan Syiah wujud, iaitu *Kaysaniyyah* yang diketuai oleh Mukhtar Ibn Abu 'Ubayd al-Thaqafi. Dia mewakili anak Saidina Ali yang bernama Muhammad, anak daripada salah seorang isteri Ali dari bani al-Hanafiyah yang bernama Khawlah binti Jaafar. Nama *Kaysan* diperoleh daripada nama hamba yang berkhidmat di bawah Mukhtar. Muhammad Ibn Hanafiyah pernah mengutus surat pada Saidina Hassan untuk mengeratkan sillaturahim antara adik beradik. Saidina Hassan mati diracun pada tahun 49H/669M, dan diganti oleh Saidina Hussain yang terbunuh di Karbala pada 61H/680M. Anaknya, Ali Zayn al-Abidin yang lahir pada tahun (38H/658M-94H/712M) telah

menggantikan tempat beliau. Ali Zayn al-Abidin mempunyai beberapa orang anak, di antaranya ialah dan Muhammad al-Baqir (57H/676M-114H/732M) dan Zayd (76H/695-122H/740M). Muhammad al-Baqir dipilih menjadi pengganti ayahnya.

Sementara itu, para penyokong Zayd membentuk satu kumpulan bergelar *Zaydiyyah* yang kebanyakannya beraliran Mu'tazilah dan membentuk kerajaan di Yaman (tidak ada nama khusus, dikenali dengan kerajaan *Zaydiyyah*). Hal ini disebabkan oleh Zayd pernah berguru dengan tokoh Muktazilah, Wasil bin 'Ata' (82H/700M-130H/748M). Pada peringkat ini tiga kumpulan Syiah wujud dan hanya Syiah Saba'iyyah yang mendewakan Ali sebagai

tuhan. Sementara itu, majoriti pengikut Syiah mengikuti Jaafar al-Sadiq (80H/699M-148H/765M), anak Muhammad al-Baqir. Di tangan Jaafar, golongan majoriti Syiah berkembang menjadi satu kumpulan yang dominan. Ramai cendekiawan mengatakan pada zaman inilah Syiah mula membentuk satu ideologi dan satu mazhab Feqah dikenali sebagai *Jaafariyyah*.

Jaafar mempunyai beberapa orang anak dan di antara mereka ialah Abdullah al-Aftah (103H/719M-149H/766M), Ismail (100H/719M-158H/775), Musa al-Kazim (128H/745M-183H/799M), dan Muhammad al-Dibaj (m. 203H/818M). Ismail pada mulanya akan menggantikan ayahnya sebagai Imam tetapi selepas kematian Jaafar berlaku pertelingkahan yang

Muhammad al-Dibaj yang mempercayai Muhammad al-Dibaj akan muncul sebagai al-Mahdi), *Ismailiyyah Fatimiyyah* membentuk kerajaan di Mesir (atau *Oaramitah*, *Batinyyah*, *Tatimiyyah* dan lain-lain yang mempercayai Isma'il akan muncul sebagai al-Mahdi). Syiah Ismailiyyah mengakui imam-imam mereka bermula daripada Saidina Ali sehingga Imam Jaafar. Namun Saidina Ali tidak dipanggil Imam tetapi dipanggil asas atau *hujjah*, satu taraf yang lebih tinggi daripada Imam. Selepas Jaafar al-Sadiq, Imam mereka adalah Ismail, bukannya Musa al-Kazim. Selepas mereka berjaya membentuk sebuah kerajaan Fatimiyyah di Mesir Abu al-Qasim Muhammad al-Qa'im (m. 334H/945) menjadi Imam yang ke-12 dan kesemua lapan khalifah kerajaan Fatimiyyah di Mesir selepas al-Qa'im, adalah

dianggap imam-imam mereka, sehinggalah yang ke-18, Abu Tamim Ma'ad al-Mustansir bi'l-lah (m. 487H/1094M). Selepas Abu Tamim, Syiah

Ismailiyyah berpecah kepada tiga kumpulan, iaitu *Nizari*, *al-Tayyibi* dan *Hafizi*.

Sementara kumpulan majoriti yang akur dengan keputusan Jaafar, melantik Musa sebagai pengganti Imam ketujuh dan seterusnya Ali al-Rida (ke-8), Muhammad al-Taqi (ke-9), Ali al-Hadi (ke-10), Hasan al-Askari (ke-11) dan Muhammad al-Mahdi al-Muntazar (ke-12), yang akan lahir pada akhir zaman. Mengikut Montgomery Watt, idea tentang 12 imam ini hanya menjadi doktrin selepas kematian Imam ke-11, iaitu Hasan al-Askari.

Satu kumpulan serpihan yang baru, iaitu *Nusayriyyah* atau *Namiriyyah* telah muncul selepas kematian Imam ke-11 Hasan al-Askari pada tahun 874M. Ia

**DI ANTARA KUMPULAN PERTAMA YANG DIKATAKAN MEMBENTUK GOLONGANINI IALAH SABA'IYYAH YANG DIKETUAII OLEH SEORANG TOKOH KONTROVERSI YAHUDI, ABDULLAH BIN SABA', BERKULIT HITAM DARI YAMAN DAN MEMELUK AGAMA ISLAM. BELIAU PERNAH DIKATAKAN MENDEWAKAN ALI SEBAGAI TUHAN DISAMPING MENDESAK KHALIFAH UTHMAN SUPAYA BERSIKAP ADIL TERHADAP KUMPULANNYA**

menyebabkan Ismail tidak dilantik menjadi Imam. Lantas Musa dilantik menjadi pengganti Imam Jaafar. Pelantikan ini menyebabkan berlaku kekecohan sesama mereka kerana pelantikan Musa dianggap sudah menyalahi *nass*. Maka lahirlah kumpulan *Ismailiyyah* yang mempercayai Ismail hanya disembuyikan oleh ayahnya dan akan muncul semula di akhir zaman sebagai al-Mahdi. Kumpulan ini juga dikenali dengan nama *Sab'iyyah*, berdasarkan kepada 7 orang imam sahaja yang merupakan satu lagi kumpulan Syiah yang dominan di dunia pada hari ini. Daripada peristiwa ini, banyak lagi kumpulan kecil dari Ismailiyyah muncul, di antaranya *Aftahiyyah* (pengikut Abdullah yang diperlakukan muncul sebagai al-Mahdi), *Sumatiyyah* (pengikut

diketuai oleh Muhammad Ibn Nusayr dengan gelaran al-namiri, memberikan baiah taat setia kepada Hasan al-'Askari dan juga Imam ke-12 Muhammad al-Mahdi (ghaib 878). Beliau mengakui bahawa dia adalah 'bab' (pintu atau orang perantara) di antara Imam yang ghaib dengan masyarakat awam. Di tangan tokoh ini Syi'ah Nusayriyyah membentuk doktrindoktrin yang mirip tentang Kristian. Hal ini mungkin disebabkan oleh ibu kepada Muhammad al-Mahdi, bernama Narjis, seorang Kristian yang telah memeluk agama Islam. Narjis dikatakan berasal dari keturunan diraja kerajaan Kristian Byzantine dari sebelah bapanya. Dari sebelah ibunya, Narjis dikatakan berasal daripada keturunan Simon Cephas (St. Peter), salah seorang dari 12 orang sahabat nabi 'Isa.

Pada tahun 1920 ia dikenali dengan nama 'Alawiyyah (pengikut Ali). Oleh yang demikian orang-orang Syiah melihat ada pertalian di antara konsep Jesus dan al-Mahdi kerana kedua-dua mereka akan lahir di akhir zaman. Tidak hairanlah Syiah Nusayriyyah atau 'Alawiyyah mempunyai konsep Triniti seperti akidah Kristian.

Dalam Triniti Syiah Nusayriyyah, mereka mempunyai Allah, Muhammad dan Ali, sementara Kristian; Tuhan Bapa, Jesus, ruh quodus. Kedua-duanya adalah sama dari segi konsep dan pemahaman yang diasaskan kepada falsafah Neo-Platonism yang menyerap ke dalam Islam melalui buku-buku Greek yang diterjemahkan oleh golongan Kristian dan orang-orang Kristian yang memeluk agama Islam tetapi masih tidak membuat akidah mereka. Oleh itu, mereka menjadikan Islam sebagai identiti sahaja tapi realitinya bercampur aduk dengan Neo-Platonisme.

Neo-Platonisme adalah satu aliran dalam falsafah kuno yang telah diasaskan oleh tokoh yang bernama Plotinus (204-270 M). Aliran ini sebenarnya membawa




**Pada tahun 1920 ia dikenali dengan nama 'Alawiyyah (pengikut Ali). Oleh yang demikian orang-orang Syiah melihat ada pertalian di antara konsep Jesus dan al-Mahdi kerana kedua-dua mereka akan lahir di akhir zaman. Tidak hairanlah Syiah Nusayriyyah atau 'Alawiyyah mempunyai konsep Triniti seperti akidah Kristian**

idea falsafah metafizik Plato dengan membuat sedikit pengubahauan. Dalam dunia Islam, pengaruh aliran ini adalah sangat mendalam terutama sekali dalam kumpulan Syiah dan Tasawwuf falsafi. Di antara doktrindoktrin Plato yang diamalkan dan diubahsuai oleh kumpulan ini adalah terdapat tiga entiti dalam alam ini iaitu Yang Esa (*the One*), Ruh (*Nous, Mind, Logos*) dan jiwa (*Soul*). Ketiga-tiga entiti ini tidak sama di antara satu sama lain namun mereka berasal dari satu sumber, iaitu Yang Esa. Yang Esa adalah entiti yang kabur dan sukar

dihadami, kadang-kadang ia dinamakan Tuhan atau Yang Baik dan Cantik (*the Good and Beautiful*). Ia adalah suci dan mengatasi konsepsi makhluk dan kadang-kadang Dia mengatasi segala yang baik dan cantik. Yang kedua ialah Roh (*Nous*) yang mempunyai daya berfikir atau '*aql* (*intellect, mind, logos*). Ia merupakan imej Yang Esa. Tanpa Yang Esa, Ruh (*Nous*) tidak akan ada walhalnya Yang Esa bukanlah penciptanya. Diibaratkan Yang Esa seperti matahari yang mempunyai cahaya (*Nous*). Cahaya wujud disebabkan matahari, sedangkan matahari tidak mencipta cahaya. Tetapi bila cahaya (*Nous*) wujud dan menerangi, Yang Esa dapat melihat diri-Nya. Ibarat yang lain ialah Yang Esa mengenali dirinya melalui fikiran-Nya, iaitu *Nous*. Yang Esa tidak mencipta fikirannya, tetapi dengan fikiran (*Nous*), Yang Esa memahami zat-Nya. Kadang-kadang ia juga dipanggil sebagai '*Aql Kudus*'.

Entiti yang ketiga yang bersumber dari Yang Esa pula ialah Jiwa (*Soul*), ia lebih rendah dari *Nous* tetapi adalah sumber dan pencipta bagi semua kehidupan jasmani. Dalam ibarat yang lebih mudah ia adalah aktiviti berfikir dalam fikiran (*Nous*) Yang Esa (*The*



*One*). Dialah yang menjalankan aktiviti berfikir dan menjadi pencipta benda-benda seperti matahari, bulan, cakerawala dan kesemua benda yang boleh dilihat. Soul atau Jiwa sebenarnya dibimbing oleh *Nous* untuk merencana kehidupan di alam ini. Apabila dia mencipta dia adalah bebas tanpa ikatan tetapi dia juga boleh mengambil tempat di dalam jasad (*transmigration* atau *metempyschosis*) yang disukai dan sesuai dengannya. Jiwa (*Soul*) juga boleh meninggalkan jasad, dan jika dia bersalah maka dia akan memasuki jasad yang lain dan dihukum sama seperti kesalahan yang dilakukannya. Di dalam agama Kristian, entiti *The One* ialah Tuhan Bapa, *Nous* atau *Logos* ialah Jesus, dan *Soul* ialah Ruh Kudus. Ketiga-tiga mereka adalah tuhan yang bersatu.

Di dalam dunia Islam, konsep ini juga wujud justeru ramai orang-orang Yahudi dan Kristian yang boleh berbahasa Greek memeluk agama Islam dan masih berpegang kepada ajaran tiga tuhan dalam satu. Syiah Saba'iyyah yang mulamula wujud juga dikaitkan dengan kaum Yahudi yang memeluk agama Islam dan mendewa-dewan Ali sebagai tuhan. Dalam dunia Islam tiga entiti ini dikenali dengan *Allah* (*Tuhan Yang Esa*), *Nur Muhammad* atau *Haqiqat Muhammad* ('aqal Tuhan yang Esa), dan juga *Nur Allah* (aktiviti berfikir dalam 'aqal Tuhan yang Esa). Kadang-kadang Nur Muhammad dan Nur Allah bersatu dan tidak dibezakan. Walau bagaimana pun *Nur Muhammad* atau *Haqiqat Muhammad* ini bukanlah Nabi Muhammad s.a.w tetapi merupakan entiti sebahagian dari Tuhan yang Esa. Di dalam penulisan-penulisan Syiah yang terawal ada menyifatkan Muhammad dan 'Ali adalah satu realiti kemudian berpecah menjadi dua. Al-Kulayni (m. 327H/939M) menukil daripada salah seorang imam mereka:

"Allah yang maha kuasa berkata: 'Muhammad, Aku telah menjadikan engkau dan Ali, satu

**"STATUS KEROHANIAN IMAM ADALAH WALI SEKALIAN ALAM YANG KADANG-KADANG DISEBUTKAN OLEH IMAM-IMAM R.A (SYIAH). IA ADALAH JAWATAN WALI TERHADAP SEKALIAN MAKHLUK, DENGAN KEMULIAAN JAWATAN ITU KESEMUA ZARAH-ZARAH DI ALAMINI MENUNDUKAN DIRI MEREKA TERHADAP PEMEGANG JAWATANINI. IA MERUPAKAAN SALAH SATU DARI ASAS AKIDAH KAMI GOLONGAN SYIAH, DAN TIDAK ADA SESIAPA YANG DAPAT MENCAPAI STATUS KERUHANIAN IMAM-IMAMINI, BAHAN TIDAK MUNGKIN PARA MALAIKAT TERTINGGI DAN NABI-NABI MENCAPAINYA. SESUNGGUHNYA MENGIKUT HADIS-HADIS YANG DIRIWAYATKAN KEPADA KAMI (SYIAH), RASUL ALLAH YANG PALING MULIA DAN PARA IMAM (SYIAH) TELAH WUJUD DALAM BENTUK NUR CAHAYA SEBELUM KEJADIAN ALAM, TERSIMPAN DI BAWAH 'ARASY ILAHI; MEREKA ADALAH LEBIH AGUNG DARI SEMUA MANUSIA BAHAN KETIKA DALAM BENTUK MANI, DARINYA MEREKA MEMBESAR MENJADI TUBUH BADAN."**

roh tanpa jasad, sebelum aku menciptakan langit, bumi dan arasy-Ku, dan kamu tidak berhenti bertasbih terhadap-Ku. Kemudian Aku kumpulkan roh kamu menjadi satu, dan kamu terus menerus mentaqdis dan bertakbir kepada-Ku. Aku pecahkan roh kamu yang satu menjadi dua; dan yang dua itu menjadi lagi dua, lalu mereka menjadi empat roh: salah satu menjadi (nabi) Muhammad, satu menjadi Ali, satu menjadi al-

Hasan dan yang terakhir menjadi al-Husayn". Kemudian Tuhan menjadikan Fatimah daripada Nur Ilahi dengan tanpa jasad. Dan Tuhan menggosok Imam-imam dengan tangan kananNya, dan Nur Allah menerangi menerusi kami semua (Imam-imam).

Sementara itu, Baha'uddin al-Amuli (mati 1392) juga bercakap konsep yang sama tentang *haqiqat Muhammadiyyah*. Dia menyifatkan bukan sahaja ahli keluarga nabi Muhammad berpunca dari satu jiwa, iaitu hakikat Muhammadiyyah tetapi juga menyatakan bahawa Ali dan Nabi Muhammad juga mempunyai jiwa yang sama. Al-Amuli menukil beberapa petikan untuk menguatkan hujahnya bahawa Muhammad dan Ali telah wujud bersatu dalam satu hakikat sebelum kejadian alam "Aku dan Ali adalah daripada Nur (Muhammad) yang sama" dan juga "Aku adalah wali Allah ketika Adam masih lagi di antara air dan tanah."

Ayatollah Khomeini juga pernah menulis:

"Status kerohanian Imam adalah wali sekalian alam yang kadang-kadang disebutkan oleh imam-imam r.a (Syiah). Ia adalah jawatan wali terhadap sekalian makhluk, dengan kemuliaan jawatan itu kesemua zarah-zarah di alam ini menundukkan diri mereka terhadap pemegang jawatan ini. Ia merupakan salah satu dari asas akidah kami golongan Syiah, dan tidak ada sesiapa yang dapat mencapai status kerohanian Imam-imam ini, bahkan tidak mungkin para malaikat tertinggi dan nabih-nabi mencapainya. Sesungguhnya mengikut hadis-hadis yang diriwayatkan kepada kami (Syiah), Rasul Allah yang paling mulia dan para Imam (Syiah) telah wujud dalam bentuk nur cahaya sebelum kejadian alam, tersimpan di bawah 'arasy ilahi; mereka adalah lebih agung dari semua manusia bahkan ketika dalam bentuk mani, darinya mereka membesar menjadi tubuh badan."

*Nur Ilahi atau Nur Muhammadiyyah* inilah yang dihembuskan ke dalam Nabi Adam dan ia bertukar-tukar tubuh para nabi dan rasul sehingga Nabi Muhammad, Ali dan seterusnya para Imam mereka. Untuk menguatkan hujah ini mereka merujuk para imam mereka dengan mentakwilkan dan menggunakan dalil ayat al-Quran:

*"Dan ingatlah, ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): Bukankah Aku Tuhanmu? Mereka menjawab: Betul! (Engkau tuhan kami), kami menjadi saksi". (Kami lakukan yang demikian itu) agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan: "sesungguhnya kami (bani Adam) adalah orang-orang yang lalai terhadap ini (keesaan Tuhan)." (al-Araf: 172)*

Jikalau diperhatikan nukilan-nukilan di atas jelas menunjukkan bahawa idea-idea yang mengatakan "manusia adalah tuhan" adalah berasal daripada idea falsafah Yunani. Idea ini dipelajari oleh orang-orang Yahudi, dan kemudian menyerap masuk ke dalam agama Kristian melalui Plotinus dan kemudiannya menyerap masuk ke dalam Islam melalui puak Syiah, terutama sekali Syiah Ismailiyah, Nusayriyah, Imamiyyah dan puak-puak

pecahannya. Pada zaman Khalifah al-Ma'mun, satu daripada golongan ini, iaitu Sumatiyyah yang diketuai oleh Muhammad al-Dibaj telah dibuang negeri ke Perlak, Indonesia. Huraian-huraian di atas menunjukkan pluralisme agama telah berlaku di antara Kristian dan Syiah dalam kategori sinkritisme terutama sekali golongan Isma'iliyah dan Nusayriyah. Dari Syiah imamiyyah lahir pula kumpulan Baha'iyyah atau Bahaisme yang telah mengisyiharkan diri membentuk agama baru yang bebas dari agama Islam di abad ke-19 Masihi.

Kesemua insiden ini berlaku di akhir abad ke-3 hijrah dan awal ke-4 Hijrah. Tokoh-tokoh Muktaizilah dan Ash'ariyyah yang hidup pada era ini telah memberi huraian yang terperinci tentang konsep Tauhid mengikut al-Quran. Abu 'Ali al-Jubba'i (m. 303H/916M), Abu al-Hassan al-Ash'ari (260H/874M-324H/936M), Abu Mansur al-Maturidi (m. 333H/944M), Qadi Abd al-Jabbar (325H/937M-415H/1025M) telah menghuraikan konsep keesaan Allah dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran. Golongan Muktaizilah menghuraikan keesaan Allah dengan mengatakan ia adalah satu Zat yang tidak mempunyai sifat. Nama-nama Allah yang ada di dalam al-Quran itu adalah nama lain bagi Zat yang bernama Allah. Oleh sebab itu, mereka dikenali

Muhammad dan nur Allah adalah sifat bagi Allah.

Begitu juga Abu al-Hassan al-Ash'ari menggunakan ayat al-Quran dalam menghuraikan konsep tuhan dengan mengatakan Allah adalah satu Zat yang mempunyai sekurang-kurangnya 20 sifat atau lebih. Hal ini disandarkan kepada ayat-ayat al-Quran terutama sekali ayat *al-Asma al-Husna*. Sifat-sifat Allah adalah *Qadim* (kekala bersama Zat yang *Qadim* tetapi sifat-sifat tersebut berbeza dengan sifat manusia yang tidak kekal. Sifat Allah tidak menyerap atau melimpah masuk ke dalam manusia sebagaimana konsep Tuhan dalam Neo-platonisme. Dalam konsepsi Tauhid Ash'ariyyah dan Muktaizilah, sifat (*tawhid al-sifat*), nama (*tawhid al-asma*) dan perbuatan (*tawhid af'al*), Allah adalah *qadim* dan *wajib* dibezaikan dari manusia yang sifatnya baharu (*ifrad al-qadim 'an al-muhdath*). Inilah usaha-usaha golongan Muktaizilah dan Ash'ariyyah memperincikan konsep Tauhid dalam mempertahankannya daripada idea Neo-Platonisme yang mempunyai unsur syirik (mempersefutukan Allah dengan manusia atau sebagainya) daripada menyerap masuk ke dalam agama Islam.

Al-Quran ada menyebut bahawa:

*"Katakanlah (wahai Muhammad): Dilarah Allah yang Maha Esa. Allah adalah Tuhan yang bergantung pada-Nya sesuatu. Dia tidak beranak dan tiada pula diperanakkan. Dan tidak ada seorang pun yang setara dengan Dia." (al-Ikhlas)*

*"Sesungguhnya kafirlah orang-orang yang mengatakan: "Bawasanya Allah ialah salah satu daripada tiga tuhan. Padahal tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Tuhan Yang Maha Esa. Dan jika mereka tidak berhenti daripada apa yang mereka katakan itu, sudah tentu orang-orang yang kafir dari antara mereka akan dikenakan azab seksa yang tidak terperi sakitnya."* (al-Maidah: 73)

# SYIÁH

dengan nama 'mu'attilah' atau golongan yang menafikan sifat-sifat Allah. Hal ini berlaku disebabkan idea Neo-Platonism yang menyerap masuk ke dalam kumpulan-kumpulan Islam terutama melalui Syiah mendakwa dua entiti nur